

06/09/2003

Ahli IAP kagum pembangunan MSC

CYBERJAYA: Ahli panel penasihat antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) mengaku pada mulanya tidak begitu yakin bahawa projek teknologi maklumat (IT) mega negara itu akan berjaya.

Bagaimanapun, mereka kini kagum dengan pembangunan fasa pertama MSC dan menganggap kejayaan itu boleh dicontohi negara lain.

Ketua Penyelidik dan Pengarah Sains bagi Sun Microsystems, Dr John Gage, berkata selepas kira-kira tujuh tahun pembangunan MSC, semua anggota IAP sebulat suara menyatakan 'mimpi' Malaysia sudah menjadi kenyataan.

"Apabila sekumpulan dreamers (orang bercita-cita tinggi) dari Malaysia melawat Lembah Silikon pada 1994 dan berjumpa syarikat teknologi gergasi dunia untuk menceritakan pelan cita-cita mereka, kami tertanya-tanya sama ada ia boleh menjadi realiti.

"Hari ini, saya rasa semua anggota IAP boleh nyatakan bahawa mimpi itu sudah menjadi kenyataan.

"Jika tidak, mengapa kita masih lagi datang ke sini (mesyuarat IAP)? Mereka ini semua eksekutif perniagaan yang tidak mudah untuk menghadiri mesyuarat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pada hari kedua mesyuarat ketujuh IAP MSC yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini semalam.

Mesyuarat tiga hari di Cyberview Lodge Resort itu dihadiri 31 anggota IAP serta wakilnya, iaitu jumlah kehadiran paling ramai sejak mesyuarat penasihat MSC pertama di Universiti Stanford pada 1997.

Anggota IAP yang hadir termasuk Naib Presiden Eksekutif Motorola Inc Gene Delaney; Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif SAP Asia Pacific, Hans-Peter Klaey; Naib Presiden Kanan Korporat Fujitsu, Dr Kazuo Murano; Pengerusi dan Ketua Mentor, Infosys Technologies Ltd, N R Narayana Murthy dan Presiden The Heritage Foundation, Dr Edwin J Feulner.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Pengerusi Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Abdul Halim Ali.

Mengulas lanjut, Gage berkata, Malaysia mempunyai contoh kukuh untuk dikongsi bersama negara lain.

Naib Presiden Eksekutif Oracle Corporation bagi Bahagian Asia Pasifik, Prof Derek William pula berkata, pembangunan dan pemasaran perisian bertaraf antarabangsa adalah contoh terbaik kejayaan MSC.

"Eksport perisian sangat penting. Anda boleh lihat perisian bertaraf dunia masuk ke MSC dan kemudian ke pasaran antarabangsa. Ini menjana wang masuk ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Oracle kini bekerjasama dengan syarikat perisian tempatan yang berjaya membangunkan sistem pengurusan lapangan terbang dan sudah menjual perisian mereka kepada 12 lapangan terbang antarabangsa di dunia termasuk di Amerika Syarikat.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Acer, Datuk Dr Stan Shih, berkata Malaysia perlu membangunkan perkhidmatan lain yang dapat mengekalkan persaingan pada masa depan.

"Sektor pengeluaran adalah asas penting pembangunan ekonomi, tetapi pada masa depan, anda perlu menambah lagi perkhidmatan yang mampu menaikkan lagi taraf (MSC).

"Industri perkhidmatan dilihat sebagai jentera penggerak baru bagi

rantau Asia, terutama industri berasaskan teknologi," katanya.

Ditanya sama ada anggota IAP lain sudah memberi cadangan kepada syarikat lain bagi mengenal pasti operasi mereka di MSC, Shih berkata, beliau menjangka syarikatnya akan memasuki MSC dalam dua tahun.

"Sekarang ini, syarikat Taiwan mengkhususkan kepada bidang pengeluaran. Kita perlu pasaran Malaysia dan Malaysia juga patut menjalin usaha sama dengan kita.

"Pasaran kita terlalu kecil untuk terus bersaing dengan yang lain. Jadi kita perlu berkongsi sama penyelesaian ini demi masa depan semua," katanya.

Anggota bagi Eksekutif Kumpulan Siemens Information & Communication Network, Anton Hendrik Schaaf berkata, syarikatnya akan membuat cadangan kepada syarikat gergasi lain antarabangsa berdasarkan pengalaman mereka di sini.

"Saya sendiri melihat pembangunan MSC yang melahirkan satu suasana bagi melahirkan pekerja berpengetahuan (dalam IT), selepas syarikat kami berada di sini," katanya.

Ketua Pegawai Maklumat Global DHL Systems Ltd, Stephen McGuckin pula berkata, syarikatnya sudah berada di MSC sejak enam tahun lalu dan mempunyai rancangan untuk mengembangkannya lagi.

"Saya sudah menghadiri lebih separuh mesyuarat IAP dan kami merasai pembangunan dan kejayaan yang dibuktikan MSC," katanya.